



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
 KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
 NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
 62592 PUTRAJAYA

Tel : 03-8000 8000
 Faks : 03-8682 4352
 Web : www.treasury.gov.my

SULIT

Ruj. Tuan : MPC(PCT)100.2/1
 Ruj. Kaml : MOF.BPK (S)600-15/8/22 (12)
 Tarikh : 13 Mac 2020

 **YBhg. Dato' Abd. Latif Hj. Abu Seman**
 Ketua Pengarah
 Perbadanan Produktiviti Malaysia
 Peti Surat 64, Jalan Sultan
 46904 Petaling Jaya
 SELANGOR DARUL EHSAN

No. Faks: 03-7958 1697

YBhg. Dato',

PERMOHONAN RAYUAN UNTUK KAJIAN IMPAK PELAKSANAAN PROGRAM KEUSAHAWANAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada permohonan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang diterima melalui sistem *Electronic Government Procurement Application (eGPA)* pada 19 Februari 2019 mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) telah meneliti dan mendapati bahawa MPC telah melantik firma Alpha Catalyst Consulting Sdn. Bhd. (ACCSB) bagi melaksanakan Kajian Impak Pelaksanaan Program Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi bagi tempoh perkhidmatan selama enam (6) bulan iaitu mulai 1 Oktober 2019 hingga 31 Mac 2020 tanpa mendapat kelulusan MoF terlebih dahulu. Sehubungan itu, MPC diberikan teguran atas ketidakpatuhan tersebut.

3. Walau bagaimanapun, memandangkan perkhidmatan tersebut sedang dilaksanakan, MoF bersetuju meluluskan permohonan MPC untuk melaksanakan Kajian Impak Pelaksanaan Program Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi secara Lantikan Terus Berserta Kos Siling dengan firma ACCSB dengan anggaran kos sebanyak RM589,090.00 (tidak termasuk 6% Cukai Perkhidmatan) bagi tempoh pelaksanaan selama enam (6) bulan mulai 1 Oktober 2019 hingga 31 Mac 2020 seperti perincian di **Jadual 1**.

Jadual 1

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
i.	Yuran Perunding	439,050.00
ii.	Kos Imbuhan Balik	150,040.00
Jumlah Keseluruhan (tidak termasuk 6% Cukai Perkhidmatan)		589,090.00



SULIT

4. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a) Peruntukan telah diluluskan dan mencukupi; dan
- b) Semua peraturan dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa hendaklah dipatuhi sepenuhnya;
- c) Surat kelulusan ini hendaklah dijadikan sebahagian daripada perjanjian yang akan ditandatangani. Bagi kos imbuhan balik, pembayaran hendaklah disokong dengan resit asal kecuali bagi perkara yang diberi kelulusan secara 'lump sum';
- d) Menyemak semua butiran kos supaya tidak melebihi siling peruntukan yang telah diluluskan dan memastikan bayaran dibuat berdasarkan kos sebenar yang diberikan oleh perunding;
- e) Menyediakan peruntukan berdasarkan kadar peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807]. Cukai ini akan dibayar oleh perunding kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia tertakluk kepada Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807] dan syarat-syarat lain yang ditetapkan;
- f) Sebarang perubahan kepada skop perkhidmatan perunding hendaklah mendapat kelulusan Lembaga Perolehan Agensi;
- g) Memaklumkan kepada MoF sekiranya kajian ini ditangguhkan atau dibatalkan; dan
- h) Maklumat perolehan perkhidmatan perunding ini hendaklah direkodkan ke dalam Sistem ePerunding sepertimana yang ditetapkan dalam PP/PK3.1/Perenggan 3.3.

5. Kelulusan ini diberikan untuk kali ini sahaja dan tidak boleh dijadikan *precedent* bagi perolehan lain seumpamanya di masa hadapan. Pegawai Pengawal MPC hendaklah mengambil tanggungjawab sepenuhnya dan memastikan kajian ini mencapai objektif dan Kerajaan mendapat nilai faedah terbaik.

6. MPC hendaklah memastikan perjanjian kontrak di antara MPC dan Kementerian Pendidikan Malaysia ditandatangani segera bagi mengelak isu-isu ketidakpatuhan kepada peraturan perolehan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATIN ROSNI BINTI MOHD YUSOFF)

Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbandaran
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k.

YBhg. Dato' SBPK

